

2.8.2021_Harakah MOSTI_Kedah dapat tambahan vaksin

Kedah dapat tambahan vaksin

Oleh **SARINA ISMAIL**

ALOR SETAR: Kedah bakal menerima lebih banyak bekalan dos vaksin Covid-19 apabila permohonan yang dibuat minggu lalu diluluskan.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersetuju meluluskan permohonan penambahan itu yang dibuat beliau melalui mesyuarat bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) minggu lalu.

"Dengan persetujuan itu MOSTI bersetuju membekalkan vaksin kepada Kedah daripada 130,000 dos seminggu kepada 220,000 dos seminggu," jelas beliau dalam kenyataannya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco secara di atas talian, baru-baru ini.

Untuk memastikan vaksinasi di negeri itu dapat dilakukan secara menyeluruh para pegawai daerah selu-

ruh Kedah dengan bantuan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), masjid dan penghulu diarahkan segera mengambil peranan mempercepatkan proses berkenaan.

Sanusi berkata, mereka diminta mengguna pelbagai kaedah termasuk secara manual untuk menyegerakan proses pendaftaran kod penduduk yang belum mendaftar sebagai penerima vaksin Covid-19.

"Oleh itu saya mengharapkan semua JPKK mengambil peranan melalui pelbagai kaedah yang diputuskan oleh Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) daerah masing-masing," ujarnya.

Perkataan itu katanya antara yang dibincangkan dalam mesyuarat penyelarasan antara CITF negeri dan daerah-daerah pada pagi Rabu lalu.

Dalam masa yang sama juga jelas beliau, proses vaksinasi secara 'outreach'



Muhammad Sanusi Md Nor

akan dilaksanakan di semua daerah.

Selain itu maklumnya juga, Pusat Pemberian Vaksin (PPV) kerjasama awam dan swasta (PIKAS) di Minebea Electronics Motor, Sungai Petani menyasarkan 50,000 warga industri akan melaksanakan pemberian dua dos vaksinasi berkenaan.

Kedah juga komited memastikan penduduk Bukit Malut, Langkawi yang dikenali Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) segera didaftarkan sebagai penerima vaksin.